

08 JUL 1999
Cyberjaya-Lancar
DR MAHATHIR LANCAR CYBERJAYA

CYBERJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Cyberjaya, antara bandar raya pintar pertama di dunia yang akan membawa Malaysia ke era siber, dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Pelancaran itu disaksikan oleh beberapa tokoh penting industri teknologi maklumat yang berada di sini untuk menghadiri mesyuarat ketiga Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC).

Cyberjaya, yang terletak 40km ke selatan Kuala Lumpur, adalah komponen utama MSC, sebuah zon seluas 750 km persegi yang dibangunkan sebagai kawasan tumpuan bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan multimedia.

Cyberjaya dibangunkan di tapak seluas 2,800 hektar berdasarkan konsep mesra alam.

Sebuah daripada komponen utamanya, Universiti Multimedia Telekom (UMMT), dijadual dirasmikan oleh Dr Mahathir esok.

Sejurus selepas pelancaran itu, Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat IAP yang dihadiri 25 anggota atau wakil mereka.

IAP, yang mengandungi tokoh-tokoh utama industri multimedia, dibentuk untuk memberi nasihat kepada kerajaan mengenai MSC.

Mesyuarat pertamanya berlangsung di Stanford University, California pada 1997 manakala mesyuarat kedua diadakan di sini tahun lepas.

Mesyuarat tiga hari itu dijangka menilai kemajuan projek MSC.

Antara yang hadir ialah Dr Stan Shih, pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Acer Incorporated, Serge Tchuruk, pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Alcatel Alsthom dan Bob Bishop, pengerusi Silicon Graphic World Trade Corporation.

Dua muka baru dalam IAP yang menghadiri mesyuarat itu ialah Dr Terry Cutler, pengarah Cutler and Company dari Australia dan Prof Wang Xuan dari Peking University.

-- BERNAMA

TM AR MAI